



LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN (LZNK) KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA 2018

Sebutharga adalah dipelawa secara terbuka kepada pembekal-pembekal tempatan yang menjalankan operasi perniagaan di Negeri Kedah (**keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat perniagaan/pendapatan dengan LZNK**) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan berkelayakan dan berpengalaman untuk menyertai sebutharga bagi pembekalan/perkhidmatan berikut:

Maklumat Sebutharga

NO SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	PENDAFTARAN KKM	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
LZNK/SB/005C/18	Perkhidmatan Mencuci, Membersih Pejabat Zakat Daerah Bagi Zon 2 (Daerah Kuala Muda Dan Yan) Untuk Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman	Kod Bidang : 221001 & 221002 (wajib mempunyai semua kod bidang di atas)	RM50.00 (Tunai) Dokumen Meja Sebut Harga boleh dirujuk mulai 06 Mei 2018 (Ahad)	06 Mei 2018 (Ahad) 10.00 Pagi Bertempat di Bilik VIP Aras 1, Menara Zakat (diwajibkan hadir)	13 Mei 2018 (Ahad) 12.00 Tengah Hari

Tempat Jualan Dan Penghantaran Tawaran

Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman Aras 8, Menara Zakat, Jalan Telok Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman. No Tel: 04-7331740	Tarikh dan Masa Jualan
	Ahad hingga Rabu: 9.00 pagi - 12.00 tengahari & 2.30 petang – 4.30 petang Khamis : 9.00 pagi – 12.00 tengahari & 2.00 petang – 3.00 petang
	Tarikh Mula Dijual: 06 Mei 2018

- i. Kehadiran bagi taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN**. Dokumen sebut harga hanya akan dijual kepada pembekal yang hadir semasa taklimat tersebut.
- ii. Pembekal dikehendaki membawa **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (KKM), Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM) dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera ASAL** yang masih sah tempoh lakunya berserta satu salinan **FOTOSTAT** semasa membeli dokumen. Hanya pemilik/penama di dalam KKM sahaja dibenarkan hadir untuk taklimat. Wakil selain pemilik/penama di dalam sijil adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- iii. Dokumen Sebut Harga akan dijual kepada pembekal yang mempunyai kod bidang berkaitan sahaja.
- iv. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dengan menggunakan **WANG TUNAI** di Bahagian Perolehan, Aras 8, Menara Zakat dan bayaran bagi Dokumen Sebut Harga tidak akan dikembalikan.
- v. Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman <http://www.zakatkedah.com.my>
- vi. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- vii. Pembekal yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai berikut:

Pegawai Perolehan
Lembaga Zakat Negeri Kedah

– 04-7331740 ext.152